

Kempen keselamatan di sekolah

Archival News | Berita Harian | 04/05/2019 | C-Tengah

Kuala Lumpur: Bagi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar, Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Skuad Lembah Pantai Di Hatiku menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya.

Program berlangsung sebulan bermula semalam, membabitkan pelajar sekolah di sekitar kawasan Parlimen Lembah Pantai.

Sepanjang program itu, Skuad Lembah Pantai Di Hatiku selaku penyelar kempen, akan pergi ke sekolah yang menyertai kempen berkenaan bagi memberipenerangan mengenai keselamatan jalan raya.

Ceramah keselamatan jalan raya

Ia membabitkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pantai, SMK Bukit Bandaraya, SMK Petaling, SMK Vivekananda, SMK Bangsar (Integrasi), SMK La Salle, Brickfields dan SMK (P) Methodist Kuala Lumpur.

Pada majlis pelancaran oleh Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil disini, semalam, seramai 70 pelajar berusia 16 tahun hingga 18 tahun yang mempunyai lesen motosikal, mendengar ceramah keselamatan jalan raya.

Berucap pada majlis itu, Fahmi berkata, masih ramai pelajar berumur 16 tahun ke bawah menunggang motosikal tanpa mematuhi undang-undang seperti tiada lesen dan tidak memakai topi keledar.

(END)

Source By: Berita Harian